



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**PROGRAM INSPIRASI WANITA: WOMENPRENEURS – SHAPING THE
FUTURE ECONOMY**

LOKASI / TARIKH / MASA

**THE LIGHT HOTEL, SEBERANG JAYA, PULAU PINANG
16 JUN 2025 (ISNIN)
10.50 PAGI**

Kemas kini 15 Jun 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. **Alhamdulillah**, syukur kita dapat bersama-sama hari ini dalam Program Inspirasi Wanita: *Womenpreneurs – Shaping The Future Economy*.
2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ucapan terima kasih kepada **Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)** sebagai penganjur utama, dan **Penang Women's Development Corporation (PWDC)** atas kerjasama dan sokongan padu dalam merealisasikan program ini.

3. Terima kasih juga kepada anda semua yang hadir hari ini —
— *your presence is proof that Malaysian women are not just ready, but already stepping up to lead and drive change.*
4. Pada 8 Mac lalu, sempena Hari Wanita Sedunia, KPWKM melancarkan **Dasar Wanita Negara (DWN)** dan **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025–2030**, berpaksikan empat tonggak utama: ekonomi, kepimpinan, keselamatan dan kesejahteraan. Ia bukan sekadar dokumen — ia adalah hala tuju masa depan.

5. Untuk tonggak ekonomi, kita sasarkan tiga hasil utama:

- i. Kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh meningkat kepada **60%**
- ii. Skor penyertaan profesional wanita meningkat di bawah MCGI atau *Malaysian Gender Gap Indeks*
- iii. **1 juta usahawan wanita berdaftar** menjelang 2030

6. Ini selari dengan agenda Kerangka Ekonomi MADANI dan Rancangan Malaysia Ke-13 – memastikan rakyat, termasuk wanita, benar-benar diperkasa.

WANITA DAN EKONOMI MASA DEPAN

Hadirin yang dihormati,

7. Dunia sedang berubah dengan pantas – teknologi, AI, ekonomi hijau – semuanya memerlukan kita bersedia. Dalam semua ini, wanita bukan sekadar pengikut, tapi peneraju.

8. Tapi lihat data: Kadar penyertaan tenaga buruh wanita baru **56.3%**, jauh di bawah lelaki (**83.2%**). Sedangkan wanita kita lebih ramai di universiti, lebih tinggi dalam pencapaian akademik.
9. Jika jurang ini ditutup, sumbangan wanita dijangka menambah **RM6 bilion** kepada KDNK. Ini bukan isu wanita sahaja – ini tentang kemajuan negara.

KEUSAHAWANAN WANITA: POTENSI DAN CABARAN

Para hadirin yang dikasihi,

10. Tema hari ini, "*Shaping the Future Economy*", bukan sekadar slogan. Ia cabaran dan seruan kepada semua – usahawan, pelajar, penjawat awam, ibu rumah tangga – untuk sama-sama melakar masa depan.
11. Bagi usahawan wanita, program ini memberi peluang untuk meneroka ilmu baharu, berkongsi strategi dan membina jaringan sokongan.

12. Bagi wanita yang baru nak mula, memang kadang-kadang rasa takut atau malu. Tapi jangan tunggu semuanya sempurna baru nak mula. Ada yang berjaya berniaga dari dapur sendiri, jual sambal, kek, malah resipi turun-temurun keluarga. Apa yang biasa bagi kita, mungkin luar biasa dan berharga untuk orang lain. Yang penting – berani cuba.

13. JPW telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti LaWa, KIRANA dan Wanita Gig@BIT untuk memperkukuh penyertaan wanita dalam ekonomi digital. Lebih 300 wanita telah menyertai program Wanita Gig@BIT minggu lalu. Ini belum termasuk ribuan lagi yang bakal mendapat manfaat daripada kerjasama kita dengan Maxis melalui eKelas — menyediakan akses percuma kepada pembelajaran digital untuk pelajar dan usahawan.

WANITA SEBAGAI PEMIMPIN EKONOMI

14. Hari ini, 49% rakyat Malaysia adalah wanita. Tapi hanya **13.36%** yang jadi Ahli Parlimen. Ini satu jurang yang masih luas. Namun begitu, ada juga kemajuan. Dalam sektor awam, **38.9%** jawatan tertinggi kini disandang wanita. Dalam syarikat tersenarai awam, **32.2%** lembaga pengarah terdiri daripada wanita.

15. **Program PERANTIS** yang kita mulakan tahun lalu terbukti berkesan – lebih 1,200 wanita dibimbing oleh 25 tokoh dalam 10 bidang utama. Tahun ini, kita teruskan dengan peruntukan **RM5 juta**, melibatkan **100 tokoh wanita dan 5,000 peserta**.
16. Setiap seorang daripada anda di sini – sama ada pelajar, usahawan, atau pemimpin komuniti – adalah agen perubahan. Ilmu hari ini boleh jadi titik mula untuk membina ekonomi mapan di peringkat komuniti.

DARI ILHAM KEPADA TINDAKAN

17. Justeru itu, marilah kita semua sentiasa mengutamakan pembangunan kapasiti dan kemahiran diri kita. Jangan berhenti belajar. Sertai kursus, bina kemahiran, cari mentor. Daya tahan dan semangat – itu kunci utama.

18. Saya juga menyeru kepada semua sektor – kerajaan, korporat, masyarakat – marilah kita buka lebih banyak ruang untuk wanita. Bila seorang wanita berjaya, satu keluarga terangkat. Bila satu komuniti kuat, negara pun kukuh.

(F) PENUTUP

19. Akhir kata, saya ucapkan tahniah kepada semua penganjur, panel dan peserta. Saya harap hari ini bukan sahaja membuka mata, tapi juga membuka jalan.

20. Ingat – bila seorang wanita melangkah ke hadapan, dia tak melangkah seorang diri. Dia menarik satu generasi bersamanya.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Inspirasi Wanita: *Womenpreneurs – Shaping the Future Economy.***

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
16 Jun 2025